



# PELAN 2017- STRATEGIK 2025

PEJABAT TANAH DAN GALIAN  
SELANGOR





# PELAN STRATEGIK 2017-2025 PEJABAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR





Hak Cipta Terpelihara

© Pejabat Tanah dan Galian Selangor

Tidak membenarkan mana-mana bahagian daripada bahan cetakan ini dikeluarkan atau dipindahkan ke dalam sebarang bentuk melalui sebarang cara, sama ada secara elektronik atau mekanik, termasuk fotokopi, rakaman atau sebarang bentuk penyimpanan maklumat dan sistem menyalin, sebelum mendapat keizinan bertulis daripada Pejabat Tanah dan Galian Selangor.

Pejabat Tanah dan Galian Selangor  
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah  
40576 Shah Alam  
Selangor Darul Ehsan

Tel : 03 5544 7000

Faks : +603 5510 2658

Web : <http://ptg.selangor.gov.my>

Facebook : Pejabat Tanah dan Galian Selangor



# Kandungan

iv **KATA ALUAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR**

v **RINGKASAN EKSEKUTIF**

2 **BAB 1 : PENGENALAN**

2 Latar Belakang Pejabat Tanah dan Galian Selangor 3 Carta Organisasi

4 Fungsi dan Peranan 13 Punca Kuasa 14 Stakeholders dan Pelanggan

18 **BAB 2 : ANALISA PERSEKITARAN DAN CABARAN SEMASA**

22 **BAB 3 : HALA TUJU STRATEGIK**

22 Visi, Misi & Moto 23 Nilai Bersama 24 Teras Strategik 25 Ringkasan Teras

Strategik 26 Pelan Tindakan

44 **BAB 4 : PELAKSANAAN, PEMANTAUAN DAN PENILAIAN**

44 Elemen Penentu Kejayaan 45 Mekanisme Pelaksanaan 46 Kaedah

Pemantauan Pelaksanaan 47 Pemantauan dan Pengukuran Prestasi

48 Penilaian dan Semakan Semula

52 **BAB 5 : PENUTUP**



# Kata Aluan



Segala puji-pujian kehadiran Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya, Pelan Strategik Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS) 2017-2025 telah berjaya dihasilkan. Pelan Strategik ini dibangunkan atas kesedaran betapa pentingnya peranan pentadbiran tanah dalam menjamin kesejahteraan rakyat.

PTGS merupakan salah satu jabatan yang paling signifikan dalam menguruskan pentadbiran dan pembangunan tanah di Negeri Selangor. Adalah penting PTGS diperkasakan bagi menggalas amanah dan tanggungjawab yang telah diletakkan bagi mewujudkan tadbir urus yang baik dalam urusan pentadbiran tanah Negeri Selangor sejajar perkembangan semasa.

**PELAN STRATEGIK**  
dirangka bagi  
mengenalpasti kekuatan  
dan kelemahan serta  
sasaran atau langkah  
penambahbaikan yang  
boleh dilaksanakan oleh  
PTG Selangor

Bagi mencapai matlamat tersebut, satu Pelan Strategik dirangka bagi mengenalpasti kekuatan dan kelemahan serta sasaran atau langkah penambahbaikan yang boleh dilaksanakan oleh PTG Selangor. Pelan strategik ini diperincikan dengan Pelan Tindakan yang praktikal bagi setiap program yang dirancang termasuk meletakkan nilai-nilai terpuji yang perlu diamalkan oleh semua warga PTGS bagi mencapai teras strategik yang telah ditetapkan.

Adalah menjadi harapan saya Pelan Strategik yang telah digubal ini akan menjadi satu kerangka kemajuan dan pemangkin kepada anjakan paradigma dalam pengurusan dan pentadbiran tanah Negeri Selangor.

**Pengarah Tanah  
dan Galian  
Selangor**

Akhir kata, ribuan terima kasih saya dahulukan serta syabas dan tahniah diucapkan kepada semua warga kerja yang terlibat sehingga berjaya menghasilkan Pelan Strategik PTGS 2017-2025.



# Ringkasan Eksekutif



Dalam membentuk satu organisasi yang mantap, berkemahiran dan cekap bagi meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kepada orang awam dan juga kepada jabatan-jabatan yang berkaitan, satu Pelan Strategik telah dirancang sepanjang 8 tahun bermula pada tahun 2017 sehingga tahun 2025. Pelan Strategik yang dirancang adalah merangkumi keperluan semasa pengguna, pihak berkepentingan (*stakeholders*) dan rakan strategik.

Hasil daripada penelitian dan perancangan serta idea-idea daripada semua warga kerja Pejabat Tanah dan Galian Selangor, Pelan Strategik Pejabat Tanah dan Galian Selangor 2017-2025 telah dibentuk yang mengandungi lima (5) teras utama. Di dalam Pelan Strategik ini, faktor-faktor kekuatan yang boleh membantu meningkatkan taraf penyampaian yang sedia ada dan faktor-faktor kelemahan yang perlu dipertingkatkan dan ditambah baik serta perancangan kepada program-program utama yang perlu diberi perhatian telah dikenal pasti.

Pelan Strategik ini juga adalah satu bentuk transisi Pejabat Tanah dan Galian Selangor dalam bergerak bersama Kerajaan dalam menjayakan "Agenda Tranformasi Perkhidmatan Awam" dan sejajar dengan Aspirasi Kerajaan Negeri Membangun Bangsa Memakmur Negeri.



# PELAN 2017- STRATEGIK 2025


PEJABAT TANAH DAN GALIAN  
SELANGOR

BAB SATU  
**PENGENALAN**





# Latar Belakang Pejabat Tanah Dan Galian Selangor




Sebelum kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu yang kemudiannya menjadi Malaysia, Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS) berpejabat di Bangunan Sultan Abdul Samad, Kuala Lumpur. Apabila Kuala Lumpur diisytiharkan sebagai Wilayah Persekutuan pada 1 Februari 1974, Ibu Pejabat Kerajaan Negeri Selangor telah dipindahkan ke Bangunan Kompleks PKNS di Shah Alam pada tahun 1978. Akhirnya ibu pejabat Kerajaan Negeri Selangor berpindah ke bangunan Ibu Pejabat Kerajaan Negeri yang lebih dikenali sebagai Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah hingga kini dan PTGS turut berpindah ke lokasi yang sama.

Pentadbiran organisasi PTGS diketuai oleh Pengarah Tanah dan Galian Selangor. Beliau dibantu oleh dua (2) orang Timbalan Pengarah iaitu Timbalan Pengarah Tanah dan Galian (Pengurusan) dan Timbalan Pengarah Tanah dan Galian (Pendaftaran). Terdapat sepuluh (10) bahagian di dalam PTGS bagi memantapkan perjalanan operasinya iaitu Bahagian Pembangunan dan Kemajuan Tanah, Bahagian Penguatkuasaan, Pengambilan Tanah dan Teknikal, Bahagian Khidmat Pengurusan, Bahagian Teknologi Maklumat, Bahagian Hakmilik Strata, Bahagian Pendaftaran Hakmilik, Bahagian Hasil, Bahagian Perundangan, Bahagian Korporat dan Audit Pengurusan Tanah dan Unit *Taskforce* dan Penyelidikan.



# Carta Organisasi





# Fungsi dan Peranan




## BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

### PENTADBIRAN

- ▶ Perkhidmatan
- ▶ Tatatertib
- ▶ Latihan
- ▶ Kursus Induksi
- ▶ Pengurusan Prestasi

### KEWANGAN

- ▶ Menyelenggara dan mengemaskini semua rekod perakaunan
- ▶ Mengurus pembayaran semua jenis bil dan tuntutan
- ▶ Menyelenggara akaun Panjar Wang Runcit
- ▶ Urus setia kepada Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun



## BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

### UNIT PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN APLIKASI 1

Mengurus dan menyelenggara:

- ▶ Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer (SPTB)
- ▶ Sistem Pungutan Hasil Tanah (e-SPHT)
- ▶ Sistem Integrasi SPTB-SPHT di PTG dan 9 PTD
- ▶ Sistem Pungutan SPTB di PTG dan 9 PTD
- ▶ Pelaksanaan e-Consent
- ▶ Mengurus laporan Statistik Tanah
- ▶ Mengurus Bantuan Teknikal bagi sistem aplikasi di bawah seliaan

### UNIT PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN APLIKASI 2

Mengurus dan menyelenggara:

- ▶ Sistem Permohonan Hakmilik Strata (SPHS)
- ▶ Aplikasi Web Strata
- ▶ Sistem Tempahan Peralatan ICT
- ▶ Sistem Tempahan Kenderaan
- ▶ *Short Message Service* (MySMS)
- ▶ *Queue Management System* (QMS)
- ▶ Sistem Pendaftaran Harta Modal (SPHM)
- ▶ Sistem Pendaftaran Wakil Firma (e-Wakil)
- ▶ Mengurus bantuan teknikal bagi sistem aplikasi di bawah seliaan

### UNIT PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN APLIKASI 3

Mengurus dan menyelenggara:

- ▶ Mengurus dan menyelenggara sistem e-Consent
- ▶ Membangun, mengurus dan menyelenggara sistem:
  - Sistem Pemberimilikan dan Tukar Syarat Tanah
  - Sistem Warta Jawatan



- Sistem Permohonan Tanah Warga Asing
  - Sistem Warta Tanah
  - Sistem Aduan PTGS
  - Sistem Surat PTGS
  - Sistem Kakitangan dan Sistem Kursus dan Latihan
  - Sistem Pendaftaran Fail Rahsia Tanah
- Mengurus bantuan teknikal bagi sistem aplikasi di bawah seliaannya



## BAHAGIAN PEMBANGUNAN DAN KEMAJUAN TANAH

### UNIT PEMBANGUNAN TANAH

Menerima dan memproses permohonan yang diterima dari semua Pejabat Tanah di Selangor bagi permohonan:-

Permohonan	Punca Kuasa
Permohonan Penyerahan Balik & Pemberimilikan Semula Tanah	204B KTN
Penyerahan Balik Keseluruhan Tanah & Pemberimilikan	197 & 76 KTN
Permohonan Pemecahan Tanah Ladang Yang Melibatkan Tukar Syarat Tanah	137 & 214A KTN
Permohonan Pecah Sempadan Tanah	137 KTN
Permohonan Pecah Bahagian Tanah	142 KTN
Permohonan Penyatuan Tanah	148 KTN
Serah Sebahagian Tanah	200 KTN
Serah Keseluruhan Tanah	197 KTN
Pindaan Pelan Kelulusan MMKN atau Pindaan Pelan kelulusan Pengarah	Pekeliling PTGS Bil.12/2010

### UNIT TUKAR SYARAT TANAH

Menerima dan memproses semua permohonan Tukar Syarat Tanah di bawah "One Stop Centre" termasuk Tanah Rizab Melayu di Selangor:-

Permohonan	Punca Kuasa
Permohonan Mengubah Kategori dan Syarat Nyata Tanah	124(1)(a)&(c) KTN
Permohonan Secara Serentak Pecah Sempadan Tanah dan Mengubah Syarat Nyata Tanah	124A KTN



Permohonan	Punca Kuasa
Permohonan Serahbalik dan Bermilik Semula Tanah untuk Tujuan Mengubah Syarat Nyata Tanah.	204B KTN
Permohonan Serahbalik dan Pemberimilikan Tanah (Tukar Syarat)	197 & 76 KTN
Permohonan Pinda Syarat Nyata Tanah	124(1)(c) KTN
Permohonan Mengubah Kategori dan Syarat Nyata Tanah Rizab Melayu (Pegangan Melayu)	124 (1)(a)(c) KTN
Permohonan Secara Serentak Pecah Sempadan Tanah dan Mengubah Syarat Nyata Tanah Rizab Melayu (Pegangan Melayu)	124A KTN
Permohonan Serahbalik dan Bermilik Semula Tanah untuk Tujuan Mengubah Syarat Nyata Tanah Rizab Melayu (Pegangan Melayu)	204B KTN
Permohonan Serahbalik dan Pemberimilikan Tanah Rizab Melayu (Pegangan Melayu)	197 & 76 KTN
Permohonan Pinda Syarat Nyata Tanah Rizab Melayu (Pegangan Melayu)	124 (1) (c) KTN

#### UNIT PELUPUSAN TANAH

Menerima dan memproses permohonan yang diterima daripada semua Pejabat Tanah di Selangor bagi permohonan pemberimilikan tanah secara individu atau berkelompok bagi permohonan:-

Permohonan	Punca Kuasa
Pemberimilikan Tanah.	76 KTN
Pemberimilikan Tanah Secara Jualan Terus/ Tender Terbuka.	76 KTN
Serah Balik dan Pemberimilikan Tanah bagi Tujuan Lanjut Tempoh Pajakan	197 & 76 KTN
Pindaan Keluasan Tanah	83(3) KTN
Lesen Pendudukan Sementara	65 KTN
Perizaban Tanah Kerajaan Tujuan Kegunaan Awam dan Rumah Ibadat Bukan Islam	62 KTN
Permit Ruang Udara	75A KTN
Stratum	92 KTN



Permohonan	Punca Kuasa
Mengubah atau Meminda Sempadan mana-mana daerah, daerah kecil, mukim, bandar atau pekan.	11(ca)&(d) KTN
Perizaban Tanah Kerajaan di bawah Akta Orang Asli	7 & 8 Akta Orang Asli
Perizaban Tanah Kerajaan di bawah Akta Perhutanan Negara	11 Akta Perhutanan Negara
Enakmen Rizab Melayu	3 & 4 Enakmen Rizab Melayu

#### UNIT KEBENARAN PINDAHMILIK

Menerima dan memproses semua permohonan untuk mendapatkan kebenaran memindahmilik tanah daripada Pihak Berkuasa Negeri bagi tanah-tanah milik individu atau syarikat samada Warganegara Malaysia atau Warga Asing atau Penduduk Tetap juga pindahmilik yang melibatkan tanah ladang dan tanah lelong di Selangor.

Permohonan	Punca Kuasa
Kebenaran Pindahmilik Individu Bumiputera Kepada Individu Bukan Bumiputera atau Syarikat (bukan Bumiputera).	120 KTN
Rayuan Semula ke atas permohonan kebenaran pindahmilik yang telah ditolak.	120 KTN
Kebenaran Pindahmilik Warganegara Asing, Penduduk Tetap dan Syarikat Kepentingan Asing.	433B KTN
Kebenaran Pindahmilik Tanah Ladang	214A KTN

#### UNIT KEBENARAN PINDAHMILIK MENYELURUH

Menerima dan memproses semua permohonan untuk mendapatkan kebenaran memindahmilik tanah daripada Pihak Berkuasa Negeri bagi tanah-tanah milik individu atau syarat kepada pembeli pertama, permohonan batal ganti nama dan salinan diakui sah (CTC) (bagi tujuan perserahan) di Selangor.

#### UNIT PERMIT BAHAN BATUAN DAN MINERAL

Menerima dan memproses permohonan berkaitan pengeluaran Sumber Bahan Batuan dan Mineral di atas Tanah Kerajaan dan Tanah Hakmilik di bawah Peruntukan Kanun Tanah Negara (KTN) 1965, Kaedah Tanah Selangor 2003, Kaedah Kuari Selangor 2003, Enakmen Mineral (Selangor) 2000 dan Peraturan-Peraturan Mineral



2007 dan pengumpulan data-data berkaitan Sumber Bahan Batuan dan Mineral.

Mengurus pendaftaran serta keluaran Sumber Bahan Batuan dan Mineral.

Bertanggungjawab menyediakan dasar-dasar yang mampan bagi mengurus Sumber Bahan Batuan dan Mineral secara optima dengan amalan pengurusan terbaik serta merintis kepada peningkatan hasil Negeri.

Permohonan	Punca Kuasa
Permit bahan batuan di atas Tanah Kerajaan	69 KTN
Permit bahan batuan di atas Tanah Hakmilik	70 KTN
Pajakan Melombong di atas Tanah Kerajaan	63 EMS
Pajakan Melombong di atas Tanah Hakmilik	81 EMS
Lesen Mendulang	28 EMS



## BAHAGIAN PENDAFTARAN HAKMILIK

### PENDAFTARAN URUSNIAGA DAN BUKAN URUSNIAGA

- ▶ Menerima dan mendaftar suratcara Urusniaga dan Bukan urusniaga


### PENDAFTARAN HAKMILIK

- ▶ Melaksanakan pendaftaran Hakmilik Sambungan (kerana hilang/ rosak)
- ▶ Hakmilik Kekal
- ▶ Hakmilik Sementara
- ▶ Melaksanakan Pendaftaran Hakmilik Sementara berikutan dengan kelulusan Pecah Sempadan/Pecah Bahagian Cantuman Tanah



## BAHAGIAN HAKMILIK STRATA

- ▶ Permohonan dan Pengeluaran Hakmilik Strata Bagi Bangunan Berbilang Tingkat di Negeri Selangor
- ▶ Penguatkuasaan disebabkan kegagalan Memohon Hakmilik Strata (di bawah Seksyen 8 Akta Hakmilik Strata 1985)
- ▶ Penguatkuasaan disebabkan Kegagalan Membuat Pindahmilik Hakmilik Strata (di bawah Seksyen 40A Akta Hakmilik Strata 1985)
- ▶ Pendaftaran Hakmilik (Urusniaga dan Bukan Urusniaga)



## BAHAGIAN HASIL

- ▶ Menerima bayaran cukai tanah, cukai taksiran dan urusan perserahan bagi pendaftaran hakmilik di kaunter bayaran hasil
- ▶ Menyelenggara Bayaran Hasil Cukai Tanah melalui kutipan agensi luar dan pembayaran melalui perbankan internet.
- ▶ Mengemaskini maklumat data hakmilik yang terkini dalam sistem Pungutan Hasil Tanah
- ▶ Menyediakan Laporan Bulanan Kutipan Hasil, Penyata Penyesuaian Hasil dan lain-lain laporan yang berkaitan kutipan hasil
- ▶ Menerima dan menyelesaikan aduan orang awam berkaitan cukai tanah yang diterima melalui kaunter, panggilan telefon, e-mel dan surat.




## BAHAGIAN PERUNDANGAN

- ▶ Memberi khidmat nasihat perundangan berkaitan hal ehwal tanah
- ▶ Mengendalikan kes sivil bagi pihak Pengarah Tanah dan Galian Selangor /Pentadbir Tanah Daerah /Kerajaan Negeri
- ▶ Menyemak kertas siasatan bagi kesalahan di bawah Kanun Tanah Negara 1965 dan Akta Hakmilik Strata 1985
- ▶ Mengendalikan permohonan pengesahan status Bumiputera bagi tujuan pembelian hartanah di bawah kuota Bumiputera
- ▶ Mengendalikan pewartaan (penyediaan warta) di bawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara 1965
- ▶ Mengendalikan permohonan pembatalan pewartaan di bawah Seksyen 64 Kanun Tanah Negara 1965
- ▶ Mengendalikan pewartaan batal dan ganti Tanah Rizab Melayu di bawah Enakmen Rizab Melayu (Selangor) (N.M.B. Bab 142)
- ▶ Mengendalikan pewartaan pengubahan sempadan di bawah Seksyen 11 (ca) Kanun Tanah Negara 1965 dan naik taraf bandar / pekan di bawah Seksyen 11 (d) Kanun Tanah Negara 1965



- ▶ Mengendalikan pewartaan *corrigendum* (pembetulan)
- ▶ Mengendalikan permohonan pewartaan dan pembatalan warta pegawai dan kakitangan Pejabat Tanah dan Galian Selangor, Pejabat Tanah Daerah di Selangor dan pegawai di Jabatan Mineral dan Geosains
- ▶ Mengendalikan permohonan pewartaan /pemotongan penyenaian di bawah Jadual Kedua Enakmen Rizab Melayu (Selangor) (N.M.B. Bab 142)
- ▶ Mengendalikan permohonan pewartaan /pemotongan penyenaian di bawah Jadual Ketiga Enakmen Rizab Melayu (Selangor) (N.M.B. Bab 142)
- ▶ Mengendalikan permohonan pengesahan status “Melayu” di bawah Seksyen 20 Enakmen Rizab Melayu (Selangor) (N.M.B. Bab 142)
- ▶ Menyemak draf perjanjian melibatkan Pejabat Tanah dan Galian Selangor
- ▶ Menyemak draf pindaan undang-undang untuk semakan Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor melibatkan Kaedah-Kaedah Tanah Selangor 2003, Kaedah-Kaedah Hakmilik Strata 2015, Enakmen Rizab Melayu (Selangor) (N.M.B. Bab 142), Enakmen Mineral (Selangor) 2000 & Peraturan-Peraturan Mineral (Selangor) 2007.



## BAHAGIAN PENGUATKUASAAN, PENGAMBILAN TANAH DAN TEKNIKAL

### UNIT PENGUATKUASAAN

- ▶ Melaksana dan membantu operasi-operasi penguatkuasaan dan pemantauan secara bersendirian atau bersepadu ke atas kawasan-kawasan permit pengalihan bahan batuan mengikut Seksyen 426 KTN 1965 untuk menambah kutipan dan hasil Kerajaan Negeri
- ▶ Melaksana tindakan penguatkuasaan menurut peruntukan-peruntukan yang termaktub di dalam Kanun Tanah Negara 1965.
- ▶ Membuat risikan/siasatan/serbuan/tangkapan/rampasan ke atas tempat-tempat yang disyaki berlaku aktiviti pengeluaran pasir secara tidak sah atau pencerobohan Tanah Kerajaan
- ▶ Memantau dan merekodkan laporan bulanan tindakan penguatkuasaan oleh Pejabat Tanah Daerah

### UNIT TANAH

- ▶ Menerima dan menyiasat aduan yang diterima daripada Bahagian Korporat, Pejabat Daerah dan Tanah (PTD) serta aduan oleh orang awam.



- ▶ Menyelaraskan Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran (PPKTK) bagi memberi peluang terakhir kepada pihak mereka untuk mengemukakan permohonan tukar syarat tanah dan Kebenaran Merancang serta Pelan Bangunan kepada PTD dan PBT terlibat.
- ▶ Urus setia bagi Program Pemutihan Kampung Tradisi untuk menyelesaikan masalah seperti pelanggaran syarat tanah di atas tanah pertanian, membantu pihak terlibat menyelesaikan pemilikan tanah turunmilik (pewarisan) di kampung tradisi, dan sebagainya.

#### **UNIT TEKNIKAL**

- ▶ Menyediakan laporan tanah/teknikal bagi semua permohonan di bawah Seksyen-Seksyen 76, 124A, 204B, 197 dan 76 Kanun Tanah Negara yang bermasalah sebelum diangkat untuk pertimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.
- ▶ Menyediakan ulasan teknikal bagi permohonan secara rundingan di bawah Seksyen 20A, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) untuk pertimbangan Jawatankuasa Perancang Negeri yang diurus setiakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) Negeri Selangor.
- ▶ Menyediakan ulasan teknikal bagi permohonan kebenaran merancang mengikut Seksyen 21 Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) untuk pertimbangan Jawatankuasa Teknikal Pembangunan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (JKSAS) yang diurus setiakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor.
- ▶ Menyediakan ulasan teknikal bagi permohonan laporan *Environmental Impact Assesment* (EIA) untuk pertimbangan Jawatankuasa Sehati Alam Sekitar (OSA) yang diurus setiakan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Selangor.
- ▶ Menyelaras aktiviti pengumpulan data aset Tanah Kerajaan melalui pemantauan ke atas Sistem SeLis dan dibentangkan dalam Jawatankuasa Aset Kerajaan Negeri Selangor (Tanah) yang dianjurkan oleh Pejabat Tanah dan Galian Selangor.
- ▶ Menyediakan ulasan teknikal bagi kajian kerangka awal laporan perancangan fizikal Negeri Selangor untuk Jawatankuasa Teknikal Kajian Kerangka Awal Rancangan Fizikal Negeri Selangor yang diurus setiakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor.



## BAHAGIAN KORPORAT DAN AUDIT PENGURUSAN TANAH

### UNIT PENYELARASAN KORPORAT

- ▶ Menyelaras dan menjadi urus setia Mesyuarat berkala;
- ▶ Mengendali dan menyelaras penyediaan jawapan pertanyaan mulut/bertulis Ahli-Ahli Dewan Negeri Selangor;
- ▶ Menyelaras dan memuktamadkan urusan Jawatankuasa Teknikal Penandaan dan Pengukuran Sempadan Antara Negeri Selangor dan negeri-negeri yang bersempadan
- ▶ Menyelaras Data Tanah Rizab Melayu di Selangor

### UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

- ▶ Mengambil, menerima, merekod dan mengedarkan cabutan keputusan MMKN/ MTES kepada bahagian-bahagian yang berkenaan
- ▶ Mengumpul, merekod keratan akhbar yang melibatkan Pentadbiran Tanah Negeri Selangor dan menyediakan jawapan berkaitan
- ▶ Menyelaras penerbitan Laporan Tahunan PTGS
- ▶ Menyelaras penerbitan Buletin PTGS
- ▶ Menyelaras lawatan luar ke PTGS

### UNIT PENYELARASAN ADUAN

- ▶ Menyelaras, memantau dan menyediakan maklumbalas aduan yang diterima oleh Bahagian Korporat melalui STARS, e-ADUAN PTGS, telefon, Talian Bebas Tol, e-mel, surat dan lain-lain.
- ▶ Menyediakan Laporan Bulanan Aduan Awam
- ▶ Menyelaras Kajian Kepuasan Pelanggan PTGS

### UNIT AUDIT PENGURUSAN TANAH

- ▶ Menyelaras dan menjadi Jawatankuasa Bersama Audit Pengurusan Tanah di PDT dan PTGS
- ▶ Menyelaras penyediaan, pelaksanaan dan menjalankan Program Auditan ke PDT seluruh Negeri Selangor dan PTGS secara berjadual sepanjang tahun serta memastikan jadual dipatuhi

### UNIT INOVASI

- ▶ Merancang, mengurus dan menyelaras aktiviti peningkatan inovasi di PTGS



# Punca Kuasa

Asas kepada bidang kuasa Pejabat Tanah dan Galian Selangor dalam membentuk Pengurusan Tanah terbahagi kepada dua (2) iaitu:-



## i. PENGURUSAN DAN KEWANGAN

- ▶ Akta Acara Kewangan 1957 (Akta 61).
- ▶ Akta Kontrak (Pindaan) 1976.
- ▶ Perintah-Perintah Am/ Arahan Perbendaharaan/ Arahan Perkhidmatan
- ▶ Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) Tahun 1995.
- ▶ Pekeliling Perkhidmatan/ Surat Pekeliling Perkhidmatan/ Surat Edaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.
- ▶ Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam/ Surat Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam/ Pekeliling Am/ Surat Pekeliling Am/ Surat Arahan Ketua Setiausaha Negara/ Surat Arahan Ketua Pengarah MAMPU/ Surat Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor/ Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor.
- ▶ Pekeliling Perbendaharaan/ Surat Pekeliling Perbendaharaan/ Pekeliling/ Surat Pekeliling Kontrak Perbendaharaan.



## ii. PENTADBIRAN TANAH

- ▶ Perlembagaan Persekutuan
- ▶ Kanun Tanah Negara 1965
- ▶ Kaedah Tanah Selangor 2003
- ▶ Akta Hakmilik Strata 1985
- ▶ Kaedah-Kaedah Hakmilik Strata 2015
- ▶ *Malay Reservations Enactment* (F.M.S. Cap. 142) (Selangor)
- ▶ Akta Pengambilan Tanah 1960
- ▶ Enakmen Mineral Selangor 2000
- ▶ Kaedah-Kaedah Kuari Selangor 2003
- ▶ Akta Tanah (Penempatan Kawasan Berkelompok) 1960
- ▶ Akta Penurunan Kuasa 1956
- ▶ Akta Timbangtara 2005
- ▶ Akta Pemuliharaan Tanah 1960
- ▶ Warta-Warta Kerajaan Negeri Selangor
- ▶ Keputusan-Keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor.
- ▶ Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor/ Pekeliling Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian/ Arahan Pengarah Tanah dan Galian Selangor/ Surat Arahan Pengarah Tanah dan Galian Selangor.



# Stakeholders dan Pelanggan








# PELAN 2017- STRATEGIK 2025

PEJABAT TANAH DAN GALIAN  
SELANGOR


BAB DUA  
**ANALISA  
PERSEKITARAN  
DAN CABARAN  
SEMASA**





# Analisa Persekitaran dan Cabaran Semasa

## Faktor Dalaman



## Faktor Luaran





# PELAN 2017- STRATEGIK 2025

PEJABAT TANAH DAN GALIAN  
SELANGOR

BAB TIGA  
**HALA TUJU  
STRATEGIK**





# Visi, Misi dan Moto PTGS



Peneraju Perkhidmatan Tadbir  
Urus Tanah yang Terbaik dan  
Cemerlang di Malaysia Menjelang  
2025



Mentadbir Urus Tanah Negeri  
Selangor Selaras dengan  
Dasar-Dasar Kerajaan Melalui  
Perkhidmatan Yang Cepak dan  
Inovatif kepada Pelanggan



**PERKHIDMATAN  
CEMERLANG KUALITI  
DIUTAMAKAN**

# Nilai Bersama


Melaksanakan tugas dengan penuh integriti dengan mengamalkan etika kerja yang terbuka supaya tugas yang dilaksanakan sentiasa telus dan tegas khususnya dalam menguatkuasakan undang-undang tanah yang berkuatkuasa.

## AMANAHAH dan ADIL

Mempunyai semangat yang gigih dan cekal dalam melaksanakan setiap tindakan kerana tanggungjawab yang tidak berbelah bagi terhadap 'stakeholders' dan pelanggan. Tidak menyebelahi mana-mana pihak dalam melaksanakan tugas dengan berdasarkan kepada polisi yang telah ditetapkan.


## AKAUNTIBILITI

Proses menyatupadukan kakitangan adalah penting ke arah mencapai keharmonian di dalam kawasan tempat kerja. Ini bertujuan untuk mewujudkan sebuah organisasi yang bersatu padu, kukuh dan berdaya saing. Penerapan sikap nasionalisme dan sayangkan negeri dan tempat bertugas adalah hasil daripada penyatuan yang padu dan jitu di kalangan kakitangan dan rakyat yang berbilang kaum. Ini akan menggalakkan pembabitian secara menyeluruh dan holistik yang mana rakyat akan bersama-sama menabur bakti kepada pembangunan Negara.



## TELUS dan TEGAS

Mempunyai dan mengamalkan sikap amanah dalam pelaksanaan setiap tanggungjawab yang dipikul supaya urusan berkaitan tanah sentiasa menjadi hasil utama yang menyumbang kepada Kerajaan Negeri. Adil dalam melaksanakan semua keputusan supaya setiap rakyat di negeri Selangor Darul Ehsan khususnya dan rakyat Malaysia amnya dapat mengecapi keuntungan sama rata dan seadilnya.



## NEKAD dan NEUTRAL

Menjalankan tugas dengan penuh rasa tanggungjawab berpandukan peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan. Sikap akauntabiliti sentiasa diutamakan untuk mengelakkan daripada melakukan sebarang kesilapan ketika menjalankan sebarang tugas. Ini sekaligus akan dapat melonjakkan produktiviti dan mencapai objektif utama PTGS.



## HARMONI dan HOLISTIK



# Teras Strategik

**T1**



Memantapkan Pengurusan Pembangunan dan Kemajuan Tanah Bagi Maksud Guna Tanah Yang Terancang

**T2**



Memperkasakan Urusan Pendaftaran Hakmilik

**T3**




Meningkatkan dan Mempelbagaikan Kutipan Hasil Negeri

**T4**



Memperkasakan Penguatkuasaan dan Pematuhan Undang-Undang Seajar dengan Dasar Kerajaan Negeri

**T5**



Memperkukuhkan Pengurusan Organisasi dan ICT Secara Holistik untuk meningkatkan Keberkesanan Sistem Penyampaian



# Ringkasan Teras Strategik

**T1**

## Memantapkan Pengurusan Pembangunan dan Kemajuan Tanah Bagi Maksud Guna Tanah Yang Terancang

Memantapkan dasar-dasar pentadbiran tanah

Memastikan pembangunan dan kemajuan tanah selari dengan dasar-dasar pentadbiran tanah

Pemprosesan semua permohonan pembangunan dan pelupusan tanah secara lebih efektif.

Memantapkan penyelidikan pengurusan guna tanah

Meningkatkan khidmat rundingan dalam urus tadbir tanah

Memperkukuhkan pengurusan penguatkuasaan

Penguatan pengurusan dan integriti data aset tanah kerajaan

**T2**

## Memperkasakan Urusan Pendaftaran Hakmilik

Meningkatkan keselamatan dan integriti dokumen Hakmilik

Memurnikan Maklumat Hakmilik

Memantapkan Prosedur Urusan Pendaftaran Hakmilik

Menguatkuasakan Akta Hakmilik Strata 1985 Pindaan 2016 (A1518) secara menyeluruh

**T3**

## Meningkatkan dan Mempelbagaikan Kutipan Hasil Negeri

Memaksimumkan kutipan hasil

Memantapkan pengurusan kewangan bagi mengelak ketirisan dengan memastikan kutipan hasil diperakaukan secara tepat

Penyemakan kadar-kadar hasil negeri dari semasa ke semasa

Mempelbagaikan kempen kesedaran kepentingan pembayaran hasil tanah

**T4**

## Memperkasakan Penguatkuasaan dan Pematuhan Undang-Undang Sejalan Dengan Dasar Kerajaan Negeri

Memantapkan tadbir urus tindakan penguatkuasaan tanah Negeri Selangor

Memperkukuhkan Institusi Penguatkuasaan Tanah Negeri Selangor berteraskan integriti

Memperkasakan penguatkuasaan tanah melalui adaptasi penggunaan teknologi ICT

Memberikan khidmat nasihat undang-undang yang komprehensif

Memantapkan penguatkuasaan dari aspek pendakwaan dan litigasi Sivil

**T5**

## Memperkukuhkan Pengurusan Organisasi dan ICT Secara Holistik untuk meningkatkan Keberkesanan Sistem Penyampaian

Meningkatkan Pembangunan Modal Insan

Mengukuhkan akauntabiliti pengurusan kewangan

Memperkukuhkan saluran penyampaian perkhidmatan

Memperkasakan sistem dan prosedur kerja melalui pengauditan pengurusan tanah

Memantapkan Imej Korporat PTGS

Membangun dan menjenamakan semula pembangunan sistem ICT



# Pelan Tindakan

## Teras Strategik 1



### Memantapkan Pengurusan Pembangunan dan Kemajuan Tanah Bagi Maksud Guna Tanah Yang Terancang

#### STRATEGI :

- S1. Memantapkan dasar-dasar pentadbiran tanah
- S2. Memastikan pembangunan dan kemajuan tanah selari dengan dasar-dasar pentadbiran tanah
- S3. Pemprosesan semua permohonan pembangunan dan pelupusan tanah secara lebih efektif.
- S4. Memantapkan penyelidikan pengurusan guna tanah
- S5. Meningkatkan khidmat rundingan dalam urus tadbir tanah
- S6. Memperkukuhkan pengurusan penguatkuasaan
- S7. Pengukuhan pengurusan dan integriti data aset tanah kerajaan



Teras Strategik 1 : Memantapkan Pengurusan Pembangunan dan Kemajuan Tanah bagi Maksud Guna Tanah yang Terancang					
STRATEGI	PROGRAM	SASARAN	INDIKATOR SASARAN	TAHUN SASARAN	PENERAJU & BAHAGIAN TERLIBAT
<b>S1. Memantapkan dasar-dasar pentadbiran tanah</b>	<b>P1.</b> Menyediakan dasar baru dan mengemaskini dasar sedia ada	Dasar/ Pekeliling/ Arahan berkaitan urusan tanah yang dikeluarkan atau dikemaskini selaras dengan perkembangan pembangunan	Sekurang-kurangnya 1 dasar dan 2 garis panduan/ pekeling/ arahan setahun	2017-2025	Bahagian Pembangunan dan Kemajuan Tanah
	<b>P2.</b> Menyediakan garis panduan / pekeling/ arahan berkaitan urusan pembangunan dan kemajuan tanah				
	<b>P3.</b> Menyediakan manual SOP bagi semua urusan pembangunan dan pelupusan tanah	Manual SOP yang dikeluarkan atau dikemaskini selaras dengan perkembangan kemajuan pembangunan	Penggunaan SOP yang seragam		
<b>S2. Memastikan pembangunan dan kemajuan tanah selari dengan dasar-dasar pentadbiran tanah</b>	<p><b>P4.</b> Mesyuarat Penyelaras antara PTG dan Pejabat Tanah Daerah serta agensi yang berkaitan seperti:-</p> <p>i. Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pembangunan Tanah &amp; Sumber Alam</p> <p>ii. Mesyuarat Timbalan Pengarah Tanah dan Galian Selangor (Pengurusan) bersama Ketua Penolong Pentadbir Tanah Daerah</p> <p>iii. Mesyuarat Penyelaras Kutipan Hasil Premium Tanah</p> <p>iv. Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal dan Pemantauan Permohonan Bahan Batuan &amp; Mineral</p>	Mengenalpasti dan menilai keberkesanan dasar-dasar, pekeling dan arahan yang telah dilaksanakan oleh Pejabat Tanah Daerah (PTD) dan agensi yang terlibat	<p>Mesyuarat penyelaras diadakan secara berkala dan dihadiri oleh wakil yang berkaitan</p> <p>OUTPUT:</p> <p>i. 4 kali setahun</p> <p>ii. 4 kali setahun</p> <p>iii. 2 kali setahun</p> <p>iv. 4 kali setahun</p> <p>v. 4 kali setahun</p> <p>vi. 4 kali setahun</p> <p>vii. 6 kali setahun</p>	2017-2025	Bahagian Pembangunan dan Kemajuan Tanah



Teras Strategik 1 : Memantapkan Pengurusan Pembangunan dan Kemajuan Tanah bagi Maksud Guna Tanah yang Terancang					
STRATEGI	PROGRAM	SASARAN	INDIKATOR SASARAN	TAHUN SASARAN	PENERAJU & BAHAGIAN TERLIBAT
	v. Mesyuarat Jawatankuasa Sumber Mineral Negeri vi. Mesyuarat Lembaga Tanah Ladang				
	<b>P5.</b> Libat urus “ <i>engagement</i> ” secara bersepadu antara agensi kerajaan, swasta dan awam	Memberi kefahaman dan gabungan buah fikiran bagi melaksanakan dasar dan SOP yang berkaitan urusan tanah	Bengkel/ Kursus/ Latihan/ <i>engagement</i> penyelarasan diadakan mengikut keperluan  OUTPUT: 5 Bengkel/ Kursus/ Latihan setahun	2017-2025	Bahagian Pembangunan dan Kemajuan Tanah
	<b>P6.</b> Mengenalpasti dan membentangkan dasar-dasar, pekeliling dan arahan yang berkaitan	Mengadakan Mesyuarat Pengarah Tanah dan Galian Selangor bersama Pentadbir Tanah Daerah	Sekurang-kurangnya 3 kertas kerja/ dasar dibentangkan	2017-2025	Bahagian Pembangunan dan Kemajuan Tanah & Bahagian Korporat dan Audit Pengurusan Tanah
<b>S3. Memproses semua permohonan pembangunan dan pelupusan tanah secara lebih efektif.</b>	<b>P7.</b> Memproses semua permohonan pembangunan & pelupusan tanah mengikut piagam dan selaras dengan undang-undang yang berkuatkuasa	Memastikan semua permohonan diproses dalam tempoh masa yang ditetapkan	100% permohonan siap diproses	2017-2025	Bahagian Pembangunan dan Kemajuan Tanah
<b>S4. Memantapkan penyelidikan pengurusan guna tanah</b>	<b>P8.</b> Menjalankan kajian serta menyediakan laporan perihal status tanah bagi tujuan pembangunan	PTGS sebagai agensi rujukan guna tanah bagi Negeri Selangor	Sekurang-kurangnya 10 laporan Kajian penyelidikan dibentangkan	2017-2025	Unit <i>Task Force</i> & Penyelidikan
	<b>P9.</b> Mengenalpasti potensi tanah untuk cadangan pembangunan	Memantapkan penggunaan tanah bagi mengoptimumkan hasil negeri	Peningkatan hasil negeri	2017-2025	Unit <i>Task Force</i> & Penyelidikan



Teras Strategik 1 : Memantapkan Pengurusan Pembangunan dan Kemajuan Tanah bagi Maksud Guna Tanah yang Terancang					
STRATEGI	PROGRAM	SASARAN	INDIKATOR SASARAN	TAHUN SASARAN	PENERAJU & BAHAGIAN TERLIBAT
<b>S5. Meningkatkan khidmat rundingan dalam urus tadbir tanah</b>	<b>P10.</b> Memberikan khidmat runding pengurusan tanah yang tepat	Mewujudkan kecekapan urus tadbir tanah mengikut undang-undang/ dasar/ pekeliling yang berkuatkuasa	Bilangan khidmat rundingan/ nasihat.	2017-2025	Unit <i>Task Force</i> & Penyelidikan dan semua Bahagian
<b>S6. Memperkukuhkan pengurusan penguatkuasaan</b>	<b>P11.</b> Memantau dan mengawal selia aktiviti penguatkuasaan di Negeri Selangor	Pematuhan undang-undang yang berkuatkuasa	Pengurangan kesalahan pelanggaran undang-undang yang berkuatkuasa	2017-2025	Bahagian Penguatkuasaan & Bahagian Pembangunan dan Kemajuan Tanah
<b>S7. Pengukuhan pengurusan dan integriti data aset Tanah Kerajaan</b>	<b>P12.</b> Menyelaras proses pengemaskinian maklumat Aset Tanah Kerajaan secara sistematik	Data Aset Tanah Kerajaan yang tepat dan terkini	Laporan data aset kerajaan dikemukakan secara berkala	2017-2025	Bahagian Penguatkuasaan, Bahagian Pembangunan dan Kemajuan Tanah & Bahagian Teknologi Maklumat



# Pelan Tindakan

## Teras Strategik 2



### Memperkasakan Urusan Pendaftaran Hakmilik

#### STRATEGI :

- S1. Meningkatkan Keselamatan dan Integriti Dokumen Hakmilik
- S2. Memurnikan Maklumat Hakmilik
- S3. Memantapkan Prosedur Urusan Pendaftaran Hakmilik
- S4. Menguatkuasakan Akta Hakmilik Strata 1985 Pindaan 2016 (A1518) secara menyeluruh



Teras Strategik 2: Memperkasakan Urusan Pendaftaran Hakmilik bagi Meningkatkan Hasil Kerajaan Negeri					
STRATEGI	PROGRAM	SASARAN	INDIKATOR SASARAN	TAHUN SASARAN	PENERAJU & BAHAGIAN TERLIBAT
<b>S1. Meningkatkan keselamatan dan integriti dokumen Hakmilik</b>	<b>P1.</b> Penukaran kertas keselamatan secara berkala	Pencegahan pemalsuan dokumen	Pengurangan kes penipuan dan pemalsuan	2017-2025	Bahagian Hakmilik Strata, Bahagian Pendaftaran Hakmilik & Bahagian Khidmat Pengurusan
	<b>P2.</b> Pemantapan ciri-ciri keselamatan dokumen hakmilik				
	<b>P3.</b> Mempertingkatkan kawalan keselamatan ke atas penyimpanan, pengeluaran dan pendedaran kertas keselamatan				
<b>S2. Memurnikan maklumat Hakmilik</b>	<b>P4.</b> <i>Data Cleaning</i>	Maklumat terkini dan tepat	Semakan maklumat hakmilik secara berterusan	2017-2025	Bahagian Pendaftaran Hakmilik & Bahagian Hakmilik Strata
<b>S3. Memantapkan prosedur urusan Pendaftaran Hakmilik</b>	<b>P5.</b> Penyeragaman dan pengemaskinian <i>Standard Operating Procedure (SOP)</i> Pendaftaran Hakmilik	Penyampaian perkhidmatan pelanggan bagi Urusan Pendaftaran yang lebih efisien	Menepati 100% Piagam Pelanggan bagi setiap urusan pendaftaran hakmilik	2017-2025	Bahagian Pendaftaran Hakmilik & Bahagian Hakmilik Strata
<b>S4. Menguatkuasakan Akta Hakmilik Strata 1985 Pindaan 2016 (A1518) secara menyeluruh</b>	<b>P6.</b> Pelaksanaan Pindaan Akta Hakmilik Strata 1985 (A1518)	Pendaftaran hakmilik strata yang <i>total</i> (menyeluruh)	Semua skim strata telah selesai didaftarkan	2017-2025	Bahagian Hakmilik Strata
	<b>P7.</b> Memantapkan Kaedah-kaedah Hakmilik Strata Negeri Selangor 2015				



# Pelan Tindakan

## Teras Strategik 3



### Meningkatkan dan Mempelbagaikan Kutipan Hasil Negeri

#### STRATEGI :

- S1. Memaksimakan Kutipan Hasil
- S2. Memantapkan Pengurusan Kewangan bagi Mengelak Ketirisan dengan Memastikan Kutipan Hasil Diperakaunkan Secara Tepat
- S3. Penyemakan Kadar-Kadar Hasil Negeri dari Semasa ke Semasa
- S4. Mempelbagaikan Kempen Kesedaran Kepentingan Pembayaran Hasil Tanah



Teras Strategik 3: Meningkatkan dan Mempelbagaikan Kutipan Hasil Negeri					
STRATEGI	PROGRAM	SASARAN	INDIKATOR SASARAN	TAHUN SASARAN	PENERAJU & BAHAGIAN TERLIBAT
<b>S1. Memaksimumkan kutipan hasil tanah</b>	<b>P1.</b> Pengeunaan fi dan kutipan hasil baharu	1. Kutipan hasil tanah negeri meningkat	1. Jumlah hasil tanah negeri meningkat setiap tahun	2017-2025	Bahagian Hasil, Bahagian Pendaftaran Hakmilik, Bahagian Strata & Bahagian Pembangunan Tanah
	<b>P2.</b> Program turun padang dan mesyuarat penyelesaian hakmilik bermasalah tunggakan cukai tanah	2. Cukai tanah semasa dapat dikutip 3. Tunggakan cukai dapat diselesaikan	2. Cukai tanah semasa dapat dikutip sehingga 90% daripada jumlah perlu dikutip setiap tahun 3. Penyelesaian tunggakan secara maksima		
<b>S2. Memantapkan pengurusan kewangan bagi mengelak ketirisan dengan memastikan kutipan hasil diperakunkan secara tepat</b>	<b>P3.</b> Semakan semula kod akaun bagi semua hasil tanah adalah bersesuaian dan tepat	1. Mencapai kutipan hasil sebenar daripada semua urusan 2. Kutipan hasil tanah negeri dapat dikenalpasti dengan lebih tepat	1. Ketirisan jumlah kutipan hasil dapat dikurangkan	2017-2025	Bahagian Hasil, Bahagian Pendaftaran Hakmilik, Bahagian Strata & Bahagian Pembangunan Tanah
	<b>P4.</b> Penambahbaikan sistem hasil dengan ciri-ciri keselamatan yang lebih efektif		2. Jumlah kutipan hasil dan nilai (RM) urusan adalah sama		
	<b>P5.</b> Latihan pengurusan akaun secara berterusan.				
<b>S3. Mengemaskini kadar hasil negeri dari semasa ke semasa</b>	<b>P6.</b> Semakan semula fi yang dikenakan bagi pentadbiran tanah dari semasa ke semasa	1. Semua fi yang dikenakan adalah bersesuaian dengan keadaan semasa 2. Semakan semula kadar cukai dibuat setiap 10 tahun sekali	Kadar fi dan cukai yang dikuatkuasa adalah relevan.	2017-2025	Bahagian Hasil, Bahagian Pendaftaran Hakmilik, Bahagian Strata & Bahagian Pembangunan Tanah
	<b>P7.</b> Melaksanakan semakan semula kadar cukai ke atas semua hakmilik di Negeri Selangor				
<b>S4. Mempelbagaikan kempen kesedaran pembayaran hasil tanah</b>	<b>P8.</b> Program kesedaran awam dan turun padang oleh pihak PTG dan PDT	Kempen kesedaran dijalankan sepanjang tahun	Peratusan hakmilik berbayar meningkat	2017-2025	Bahagian Hasil
	<b>P9.</b> Mempromosikan kesedaran bayaran cukai tanah melalui media massa (televisyen, radio dan medium Internet)				



# Pelan Tindakan

## Teras Strategik 4



### Memperkasakan Penguatkuasaan dan Pematuhan Undang-Undang Seajar dengan Dasar Kerajaan Negeri

#### STRATEGI :

- S1. Memantapkan tadbir urus tindakan penguatkuasaan tanah Negeri Selangor
- S2. Memperkukuhkan Institusi Penguatkuasaan Tanah Negeri Selangor berteraskan integriti
- S3. Memperkasakan Penguatkuasaan Tanah melalui Adaptasi Penggunaan Teknologi ICT
- S4. Memberikan khidmat nasihat undang-undang yang komprehensif
- S5. Memantapkan penguatkuasaan dari aspek pendakwaan dan litigasi Sivil




Teras Strategik 4 : Memperkasakan Penguatkuasaan dan Pematuhan Undang-Undang Sejalan dengan Dasar Kerajaan Negeri					
STRATEGI	PROGRAM	SASARAN	INDIKATOR SASARAN	TAHUN SASARAN	PENERAJU & BAHAGIAN TERLIBAT
<b>S1. Memantapkan Tadbir Urus Tindakan Penguatkuasaan Tanah Negeri Selangor</b>	<b>P1.</b> Mewujudkan <i>Standard Operating Procedure (SOP)</i> yang selaras untuk digunakan oleh semua Pentadbir Tanah Daerah	i. Meningkatkan keberkesanan tindakan penguatkuasaan ii. Memperkukuh pemantauan penguatkuasaan	Pengurangan aduan kesalahan pelanggaran undang-undang yang berkuatkuasa	2017-2025	Bahagian Penguatkuasaan, Pengambilan Tanah dan Teknikal, Bahagian Perundangan & Bahagian Teknologi Maklumat
	<b>P2.</b> Mengadakan mesyuarat penyelarasan penguatkuasaan bersama-sama dengan Pejabat Tanah dan Daerah (PTD)	iii. Menaiktaraf pengurusan penguatkuasa sebagai cabang utama/induk			
<b>S2. Memperkukuhkan Institusi Penguatkuasaan Tanah Negeri Selangor berteraskan integriti</b>	<b>P3.</b> Program kesedaran	Semua pegawai penguatkuasa	Prestasi penguatkuasaan meningkat	2017-2025	Bahagian Penguatkuasaan, Pengambilan Tanah dan Teknikal
<b>S3. Memperkasakan penguatkuasaan tanah melalui adaptasi Penggunaan Teknologi ICT</b>	<b>P4.</b> Melaksanakan sistem E-doket untuk memudahkan pemantauan dengan lebih berkesan dan efektif	Menaiktaraf pemantauan Penguatkuasaan di Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS)	E-Doket dilaksanakan di seluruh negeri	2017-2025	Bahagian Penguatkuasaan, Pengambilan Tanah dan Teknikal
<b>S4. Memberikan khidmat nasihat undang-undang yang Komprehensif</b>	<b>P5.</b> Menyemak semula Dokumen Perundangan/ Peraturan/ Pekeliling dan Arahan Pengarah Tanah dan Galian Selangor	Memastikan semua Dokumen Perundangan/ Peraturan/ Pekeliling/ Arahan disemak mengikut lunas undang-undang	100%	2017-2025	Bahagian Perundangan
<b>S5. Memantapkan penguatkuasaan dari aspek pendakwaan dan litigasi Sivil</b>	<b>P6.</b> Menganjurkan kursus/ seminar berkaitan tatacara pendakwaan dan litigasi sivil	Semua penolong pegawai undang-undang dan pegawai penguatkuasa.	100% kehadiran peserta	2017-2025	Bahagian Perundangan



# Pelan Tindakan

## Teras Strategik 5



**Memperkukuhkan  
Pengurusan  
Organisasi dan  
ICT secara holistik  
untuk meningkatkan  
keberkesanan  
Sistem Penyampaian**

### **STRATEGI :**

- S1. Meningkatkan pembangunan Modal Insan
- S2. Mengukuhkan akauntabiliti Pengurusan Kewangan
- S3. Memperkukuhkan saluran penyampaian perkhidmatan
- S4. Memperkasakan sistem dan prosedur kerja melalui pengauditan pengurusan Tanah
- S5. Memantapkan Imej Korporat PTGS
- S6. Membangun dan menjenamakan semula pembangunan sistem ICT



<b>Teras Strategik 5 :</b> <b>Memperkuhkan Pengurusan Organisasi dan ICT secara holistik untuk meningkatkan keberkesanan Sistem Penyampaian.</b>					
STRATEGI	PROGRAM	SASARAN	INDIKATOR SASARAN	TAHUN SASARAN	PENERAJU & BAHAGIAN TERLIBAT
<b>S1.</b> <b>Meningkatkan pembangunan Modal Insan</b>	<b>P1.</b> Menyediakan latihan yang berorientasikan pembentukan tenaga kerja yang mempunyai kepakaran dalam semua bidang tanah	Pengukuhan keberkesanan dan kecekapan penyampaian perkhidmatan	a. Laporan Audit Nilai b. Mesyuarat MBJ c. Mesyuarat Pengurusan Jabatan d. Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia	2017-2025	Bahagian Khidmat Pengurusan
	<b>P2.</b> Pelaksanaan Pelan latihan yang komprehensif				
<b>S2.</b> <b>Menguuhkan akauntibiliti pengurusan kewangan</b>	<b>P3.</b> Menyediakan belanjawan jabatan	1. Peruntukan belanja pembangunan dan mengurus yang realistik 2. Memastikan aset kerajaan dalam keadaan teratur dan didokumentasikan (perolehan, penyelenggaraan dan pelupusan) 3. Penarafan 5 Bintang di dalam pengauditan Pengurusan Kewangan Berasaskan Indeks Akauntabiliti	a. Pencapaian perbelanjaan mencapai sekurang-kurangnya 95% b. Penyelenggaraan aset jabatan dijalankan secara berkala c. Mesyuarat JKPA. d. Mesyuarat JKPAK	2017-2025	Bahagian Khidmat Pengurusan
	<b>P4.</b> Memantapkan Pengurusan Aset				
	<b>P5.</b> Melaksanakan Pengurusan Akauntabiliti Kewangan				
<b>S3.</b> <b>Memperkuhkan saluran penyampaian perkhidmatan</b>	<b>P6.</b> Pembangunan aplikasi mudah alih	Peningkatan sistem penyampaian perkhidmatan melalui Aplikasi Mudah Alih dengan konsep <i>"anywhere, anytime, anyplace"</i> (bila-bila masa, dimana jua)	Peningkatan bilangan aplikasi mudah alih sekurang-kurangnya satu (1) aplikasi setiap tahun	2017-2025	Bahagian Teknologi Maklumat
	<b>P7.</b> Pembangunan portal, semakan dan bayaran	Menyediakan saluran perkhidmatan yang baharu bagi semakan dan pembayaran cukai	Satu (1) Portal (semakan dan bayaran)	2017-2025	Bahagian Teknologi Maklumat, Bahagian Hasil, Bahagian Pendaftaran Hakmilik & Bahagian Strata



**Teras Strategik 5 :**  
**Memperkukuhkan Pengurusan Organisasi dan ICT secara holistik untuk meningkatkan keberkesanan Sistem Penyampaian.**

STRATEGI	PROGRAM	SASARAN	INDIKATOR SASARAN	TAHUN SASARAN	PENERAJU & BAHAGIAN TERLIBAT
	<b>P8.</b> KIOSK bayaran dan semakan	Menyediakan saluran perkhidmatan yang baharu bagi pembayaran bil	a) KIOSK di PTGS & setiap PTD b) Pelaksanaan KIOSK secara NBOS dengan 12 PBT	2017-2025	Bahagian Teknologi Maklumat, Bahagian Hasil, Bahagian Pendaftaran Hakmilik & Bahagian Strata
	<b>P9.</b> Penguksuhan kaunter perkhidmatan	Konsolidasi kaunter perkhidmatan	Mewujudkan Pusat Perkhidmatan Setempat ( <i>Single Point Of Contact</i> )	2017-2025	Bahagian Pendaftaran Hakmilik, Bahagian Hasil, Bahagian Strata & Bahagian Teknologi Maklumat
	<b>P10.</b> Peningkatan penggunaan MySMS	Manambah urusan yang menggunakan MySMS	Penggunaan MySMS untuk: a. Membuat semakan b. Menghantar aduan c. Hebahan maklumat	2017-2025	Bahagian Teknologi Maklumat & Bahagian Korporat dan Audit Pengurusan Tanah
	<b>P11.</b> Peningkatan promosi	Hebahan pelbagai saluran perkhidmatan kepada rakyat	a) Dipaparkan di Portal agensi dan Portal <i>myGovernment</i> b) Melalui media sosial c) Melalui media elektronik, media massa	2017-2025	Bahagian Korporat dan Audit Pengurusan Tanah & Bahagian Teknologi Maklumat
<b>S4. Memperkasakan sistem dan prosedur kerja melalui Pengauditan Pengurusan Tanah</b>	<b>P12.</b> Pemantauan dan Inspektorat melalui Audit Pengurusan Tanah	Pematuhan terhadap pelaksanaan Undang-undang, Peraturan, Arahan, Pekeliling dan SOP yang berkuatkuasa	Auditan/ Naziran ke sembilan (9) Pejabat Tanah Daerah	2017-2025	Bahagian Korporat dan Audit Pengurusan Tanah, Bahagian Pembangunan dan Kemajuan Tanah & Bahagian Pendaftaran Hakmilik
<b>S5. Memantapkan Imej Korporat PTGS</b>	<b>P13.</b> Pengurusan Perhubungan Pelanggan	Penguksuhan keberkesanan dan kecekapan penyampaian khidmat perundingan	Laporan penilaian Perundingan	2017-2025	Bahagian Korporat dan Audit Pengurusan Tanah & Semua bahagian



**Teras Strategik 5 :**  
**Memperkukuhkan Pengurusan Organisasi dan ICT secara holistik untuk meningkatkan keberkesanan Sistem Penyampaian.**

STRATEGI	PROGRAM	SASARAN	INDIKATOR SASARAN	TAHUN SASARAN	PENERAJU & BAHAGIAN TERLIBAT
	<b>P14.</b> Inisiatif <i>Help and Serve</i>	Tempoh Penyelesaian yang lebih singkat bagi Isu/ Masalah/ Pertanyaan Pelanggan untuk kes Biasa	1-5 hari bekerja		
	<b>P15.</b> Peningkatan Imej Jabatan	Kajian Kepuasan pelanggan PTGS berada pada tahap 60 peratus mencapai tahap baik dan ke atas	Peningkatan 5% setiap tahun bagi kepuasan baik dan keatas.		
	<b>P16.</b> Pendokumentasian bahan maklumat yang berinformasi	Buletin	10 penulisan berinformasi bagi tempoh 5 tahun	2017-2025	Bahagian Korporat dan Audit Pengurusan Tanah
	<b>P17.</b> Promosi aktiviti/ informasi melalui media sosial	Hebahan Berkala	Peningkatan <i>followers</i> sebanyak 10 % (200 followers) setiap tahun	2017-2025	Bahagian Korporat dan Audit Pengurusan Tanah
	<b>P18.</b> Pemantapan Perkhidmatan Dalam Meningkatkan Produktiviti dan Kecekapan	Pemantapan Perancangan Pengurusan organisasi sektor awam melalui: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelan Strategik PTGS;</li> <li>• Pelan Pengurusan Risiko; dan</li> <li>• Pelan Kesyinambungan Perkhidmatan.</li> </ul>	Penerbitan Pelan yang digunakan sebagai rujukan PTGS	2017-2025	Bahagian Korporat dan Audit Pengurusan Tanah & Semua bahagian
<b>S6. Membangun dan Menjenamakan Semula Pembangunan Sistem ICT</b>	<b>P19.</b> Pembangunan Sistem Hasil Tanah dan Strata	Penyediaan infrastruktur dan sistem bagi pelaksanaan kutipan cukai petak mulai 2018	Satu (1) Sistem Hasil Tanah dan Strata dibangunkan	2017 -2018	Bahagian Teknologi Maklumat, Bahagian Hasil & Bahagian Strata
	<b>P20.</b> Peningkatan Sistem eStrata	Peningkatan Sistem eStrata bagi pelaksanaan Kutipan Cukai Petak mulai 2018	Satu (1) Sistem eStrata dibangunkan	2017 -2018	Bahagian Teknologi Maklumat & Bahagian Strata



**Teras Strategik 5 :**  
**Memperkukuhkan Pengurusan Organisasi dan ICT secara holistik untuk meningkatkan keberkesanan Sistem Penyampaian.**

STRATEGI	PROGRAM	SASARAN	INDIKATOR SASARAN	TAHUN SASARAN	PENERAJU & BAHAGIAN TERLIBAT
	<b>P21.</b> Perluasan Sistem <i>eCharting</i>	Menyediakan peralatan dan sistem aplikasi untuk menyokong pendigitalan pelan	Semua Pejabat Daerah dan Tanah menggunakan Sistem <i>eCharting</i>	2017-2019	Bahagian Teknologi Maklumat
	<b>P22.</b> Integrasi maklumat data hakmilik dan Sistem <i>eCharting</i>	Menyelaras data <i>eCharting</i> dan data hakmilik tanah	Setiap lot tanah dalam Sistem <i>eCharting</i> mengandungi maklumat tanah hakmilik terkini seperti dalam SPTB	2018-2019	Bahagian Teknologi Maklumat
	<b>P23.</b> Peningkatan <i>Land Bank Library System</i> (LBLS)	Menyediakan peralatan dan sistem aplikasi untuk menyokong pendigitalan dokumen	Satu (1) Sistem LBLS 2.0 dibangunkan	2018-2019	Bahagian Pendaftaran Hakmilik & Bahagian Teknologi Maklumat
	<b>P24.</b> Pembangunan Sistem Pentadbiran Tanah (eTANAH)	Penguatan sistem pengurusan tanah digital ( <i>integrated &amp; centralized</i> )	Satu (1) <i>integrated system</i> yang mengandungi sembilan (9) modul iaitu: i. Pendaftaran ii. Hasil iii. Lelong iv. <i>Consent</i> v. Strata vi. Pelupusan vii. Pembangunan viii. Pengambilan ix. Penguatkuasaan	2019-2025	Bahagian Pendaftaran Hakmilik, Bahagian Hasil, Bahagian Strata, Bahagian Teknologi Maklumat, Bahagian Penguatkuasaan, Pengambilan Tanah dan Teknikal & Bahagian Pembangunan dan Kemajuan Tanah
	<b>P25.</b> Peluasan Sistem eDoket	Menyediakan peralatan dan sistem aplikasi untuk menyokong pemantauan doket	Peluasan penggunaan ke semua daerah	2019-2025	Bahagian Teknologi Maklumat, Bahagian Pembangunan dan Kemajuan Tanah & Bahagian Penguatkuasaan, Pengambilan Tanah dan Teknikal



**Teras Strategik 5 :**  
**Memperkukuhkan Pengurusan Organisasi dan ICT secara holistik untuk meningkatkan keberkesanan Sistem Penyampaian.**


STRATEGI	PROGRAM	SASARAN	INDIKATOR SASARAN	TAHUN SASARAN	PENERAJU & BAHAGIAN TERLIBAT
	<b>P26.</b> Pembangunan Sistem eMineral	Menyediakan infrastruktur dan sistem bagi menyokong pengurusan mineral	Satu (1) Sistem eMineral dibangunkan	2019-2020	Bahagian Teknologi Maklumat, Bahagian Pembangunan dan Kemajuan Tanah & Bahagian Penguatkuasaan, Pengambilan Tanah dan Teknikal
	<b>P27.</b> <i>Decision Tracking System (DTS)</i>	Menyediakan infrastruktur dan sistem bagi memantau keputusan pengurusan pihak tertinggi seperti MMKN dan MTES	Satu (1) Sistem DTS dibangunkan	2019-2020	Bahagian Teknologi Maklumat & Bahagian Korporat dan Audit Pengurusan Tanah
	<b>P28.</b> Peningkatan Sistem SeLIS	Menyediakan infrastruktur dan aplikasi yang selaras dengan keperluan semasa pengguna	Satu (1) Sistem SeLIS yang telah dinaiktaraf	2019-2020	Bahagian Teknologi Maklumat & Bahagian Pembangunan dan Kemajuan Tanah



# PELAN 2017- STRATEGIK 2025

PEJABAT TANAH DAN GALIAN  
SELANGOR

BAB EMPAT  
**PELAKSANAAN,  
PEMANTAUAN,  
DAN PENILAIAN  
ELEMEN  
PENENTU  
KEJAYAAN**





# Elemen Penentu Kejayaan

Dalam menentukan kejayaan pelaksanaan Pelan Strategik ini, beberapa kriteria telah dikenal pasti.

## 1. PENGURUSAN ILMU


Melahirkan satu organisasi yang berilmu berkaitan undang-undang tanah dan undang-undang lain yang berkaitan. Dengan ilmu pengetahuan yang tinggi dapat membantu organisasi daripada menyelesaikan masalah yang timbul dan dengan ilmu juga organisasi akan dipandang tinggi serta dihormati dan menjadi tempat rujukan dalam pelbagai perkara. Kewibawaan organisasi juga akan terserlah. Penggabungan pengurusan ilmu yang baik dan pengalaman dengan sistem penyampaian dapat menghasilkan satu sistem yang penuh dengan jiwa dan mesra pelanggan.



## 2. PENGLIBATAN WARGA KERJA PEJABAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR

### 2.1 Komitmen Menyeluruh

Komitmen yang tinggi dalam melaksanakan dan memastikan agar perancangan Pelan Strategik ini berjaya mencapai matlamatnya. Hanya dengan komitmen dan penetapan hala tuju organisasi dapat mengawal dan mengatur semua peranan dan perancangan agar tidak lari daripada landasannya.



### 2.2 Kapasiti organisasi

Kapasiti organisasi sedia ada akan terus diperkukuhkan dengan elemen-elemen yang membantu seperti kakitangan yang berilmu serta penstrukturan semula organisasi, penambahbaikan teknologi juga penambahan tenaga kerja agar lebih tersusun dan selaras.

### 2.3 Penggunaan Teknologi dalam Aplikasi Penyampaian

Penggunaan teknologi terkini dalam aplikasi penyampaian juga sangat membantu agar sistem penyampaian lebih efisien, cekap pantas dan mesra pelanggan. Penggunaan ruang, kertas dan penyampaian maklumat dengan menggunakan teknologi dapat membantu dalam penjimatan kos dan masa.

## 3. INTEGRITI KAKITANGAN

### 3.1 Amanah dan Jujur

Disiplin semua kakitangan sangat penting. Bagi melahirkan sebuah organisasi yang mempunyai disiplin yang tinggi, penguatkuasaan peraturan harus dititik beratkan.



### 3.2 Pembangunan Modal Insan

Integriti kakitangan boleh dibentuk melalui pembangunan modal insan yang dirancang dengan teliti melalui program pembangunan kompetensi yang bersesuaian.

# Mekanisme Pelaksanaan

Pejabat Tanah dan Galian Selangor akan melaksanakan kesedaran pengurusan strategik melalui laman web secara berkala, seminar dan juga mesyuarat pengurusan tertinggi PTGS. Status pencapaian pelaksanaan pelan strategik akan disalurkan dan dihebahkan melalui portal PTGS di dalam satu ruangan khas untuk pencapaian pengurusan strategik. Selain itu, PTGS akan memastikan setiap bahagian membangunkan

Sasaran Kerja Tahunan (SKT) bahagian sejajar dengan Pelan Strategik jabatan sebagai panduan pelaksanaan program bahagian-bahagian.


Bagi memastikan pelaksanaan pelan pengurusan strategik ini mengikut seperti yang dirancang, PTGS membangunkan pelan operasi atau jadual pelaksanaan yang terperinci terhadap setiap strategi dan program.





# Kaedah Pemantauan Pelaksanaan

Kaedah pemantauan Pelan Strategik adalah berdasarkan elemen-elemen yang diperlukan untuk memastikan pemantauan program secara berkala dan berterusan. Ia mengandungi tiga [3] elemen utama iaitu:



## Mekanisme Pemantauan & Pengukuran

Kaedah pemantauan (lawatan tapak, sistem *online*, *email*), kaedah pengukuran (pemerhatian, laporan pihak dalaman, laporan pihak luaran).



## Laporan Pemantauan & Pencapaian

Laporan pemantauan yang dilaksanakan secara berkala dan berterusan sepanjang tempoh program dilaksanakan (format laporan pemantauan, pencapaian)



## Kajian Keberkesanan

Proses kerja baru (BPR), kajian impak program utama, struktur organisasi.



# Pemantauan dan Pengukuran Prestasi

Pelan Strategik Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS) 2017-2025 ini merupakan rujukan PTGS bagi mencapai misi dan visi yang telah ditetapkan. Pelaksanaan strategi dan program yang telah dirancang memerlukan pemantauan yang terperinci. Kajian penambahbaikan akan dilaksanakan dari masa ke semasa untuk memastikan keberkesanannya selaras dengan arus perubahan.

Bagi pemantauan dan pengukuran prestasi, Jawatankuasa Pengurusan Strategik PTGS yang dipengerusikan oleh Pengarah PTGS akan menentukan pencapaian setiap program di bawah

strategi-strategi mengikut apa yang dirancang. Jawatankuasa ini akan bermesyuarat secara berkala (tahunan). Selain itu, Jawatankuasa Kerja Pengurusan peringkat bahagian juga diwujudkan untuk tujuan yang sama.

Jawatankuasa Kerja Pengurusan Strategik PTGS akan memberi perhatian kepada program yang signifikan kepada pencapaian strategi untuk melaksanakan kajian impak mengikut keutamaan. Ketua Bahagian berperanan dalam memantau keberkesanan pelaksanaan program yang dirancang.






# Penilaian dan Semakan Semula

Kajian semula Pelan Strategik ini akan dilaksanakan bagi separuh penggal tempoh yang ditetapkan bagi menilai semula pencapaian program yang dirancang, keberkesanan program dan merangka semula proses bagi penambahbaikan program agar dapat mencapai sasaran sepertimana yang telah digariskan oleh jabatan. Penilaian dan kajian keberkesanan ini akan mengambilkira penumpuan terhadap program yang telah dirancang selari dengan perubahan senario semasa.

Bagi program yang tidak mencapai sasaran, Jawatankuasa kerja akan membentuk *task force* bagi memastikan mencapai sasaran seperti ditetapkan. Jawatankuasa pengurusan pelan strategik PTGS akan melaksanakan kajian semula Pelan Strategik pada 2019 bagi menyelaras hala taju, strategi PTGS bersesuaian dengan cabaran dan keperluan semasa.







# PELAN 2017- STRATEGIK 2025

PEJABAT TANAH DAN GALIAN  
SELANGOR

BAB LIMA  
**PENUTUP**





# Penutup



Pelan Strategik Pejabat Tanah dan Galian Selangor 2017-2025 dirangka dan dibentuk bagi memantapkan organisasi Pejabat Tanah dan Galian Selangor untuk melangkah ke hadapan dan secara tidak langsung perancangan ini membantu menambah baik kelemahan yang wujud.

Semoga Pelan Strategik ini dapat membantu kita dalam merealisasikan objektif, mencapai visi dan misi yang menjadi panduan kepada semua warga Pejabat Tanah dan Galian Selangor.



# Catatan








# Catatan





 PEJABAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR  
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah  
40576 Shah Alam.  
Selangor Darul Ehsan

 +603 5544 7000

 +603 5510 2658

 <http://ptg.selangor.gov.my>

 [ptgs@selangor.gov.my](mailto:ptgs@selangor.gov.my)

 [ptgselangor](https://www.facebook.com/ptgselangor)